

JRW² TOOLKIT: MODIFIKASI 12 LANGKAH GALLERY WALK

Jahari Jainal^{1*}, Juliana Dumpil², Awang Shur Madrin³, Inurni Sati⁴
^{1,2,3,4} Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kent, Tuaran, Sabah.

*Corresponding author's email: jaharijainal@gmail.com

Abstrak: Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berpusatkan pelajar adalah fokus di dalam Pembelajaran Abad ke 21 dan sekolah transformasi. Bagaimanapun, pendekatan ini sukar dilaksanakan dalam PdPc tingkatan enam kerana sistem pentaksiran yang berasaskan peperiksaan pada setiap semester. Akibatnya, PdPc yang diamalkan adalah berpusatkan guru iaitu teknik syarahan untuk menghabiskan sukatan dengan cepat. Manakala, pelajar pula menjadi pasif di dalam PdPc. Guru di dalam kajian ini melaksanakan teknik gallery walk yang diadaptasi dari model Francek (2006) untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi. Lapan langkah gallery walk Francek (2006) berevolusi menjadi 12 langkah untuk mengoptimumkan penglibatan murid di dalam PdPc. Model gallery walk Francek (2006) ditambahbaik dengan menggabungkan teori pentaksiran untuk pembelajaran dan pembelajaran teradun. Model yang telah dimodifikasi ini dinamakan sebagai JRW² Toolkit. Kajian ini melibatkan dua orang guru Pengajian Am, seorang guru Sejarah dan lapan puluh lima orang murid yang mengambil subjek tersebut. Setelah JRW² Toolkit dilaksanakan sepanjang semester 2, analisis peperiksaan mendapati peningkatan pencapaian gred A dan A-. Manakala analisis pemerhatian dan maklumbalas guru dan murid mendapati penglibatan murid yang lebih optimum di dalam PdPc terutama dari aspek fokus ketika mendengar pembentangan, pentaksiran rakan sebaya, membina item soalan (pentaksiran sendiri) dan penggunaan Padlet.

Kata kunci: *Gallery Walk, Pentaksiran Untuk Pembelajaran, Pentaksiran Formatif, Pembelajaran Teradun*

1.0 PENGENALAN

Tingkatan Enam adalah fasa pendidikan yang berorientasikan peperiksaan. Murid akan mengambil peperiksaan awam di akhir semester. Tempoh satu semester adalah empat hingga lima bulan. Oleh itu, dari pengalaman penyelidik sendiri, guru akan menggunakan teknik syarahan sahaja untuk menghabiskan sukatan pelajaran dengan cepat. Guru agak kesal kerana sedar teknik ini menyebabkan murid pasif di dalam pembelajaran. Murid nampak mengantuk dan kadangkala ada murid yang tertidur di dalam kelas. Malahan, murid juga pernah mencadangkan kaedah pengajaran yang aktif supaya mereka tidak bosan di dalam kelas. Oleh itu, guru tidak menyalahkan pelajar seratus peratus apabila keadaan ini berlaku.

Penyelidik juga pernah berbincang dengan rakan sekerja mengenai masalah ini dan mereka pun mempunyai pendapat yang sama iaitu aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berpusatkan murid untuk Tingkatan Enam agak sukar dilakukan kerana sukatan pelajaran perlu dihabiskan dengan kadar segera. Oleh itu, penyelidik merasakan perlu untuk menyediakan kaedah PdPc yang aktif yang dapat menghabiskan sukatan pelajaran mengikut masa yang ditetapkan dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik murid. Daripada kajian-kajian lepas, penyelidik mendapati kaedah *gallery walk* sesuai untuk menyelesaikan masalah ini.

Secara umum, objektif kajian tindakan ini adalah untuk membantu guru melaksanakan kaedah *gallery walk* dengan tujuan mengoptimumkan penglibatan murid semasa PdPc dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik.

Secara khusus, kajian tindakan ini diharap dapat membantu

1. murid melibatkan diri dalam pembelajaran yang lebih aktif melalui kaedah *JRW² Toolkit* berbanding

kaedah yang asal.

2. guru melaksanakan PdPc melalui kaedah *JRW² Toolkit* dan menghabiskan sukatan pelajaran dalam
3. masa yang dirancang.
4. meningkatkan pencapaian murid di dalam peperiksaan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Gallery walk adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah stesen. Murid akan bergerak di dalam kumpulan yang kecil dari satu stesen ke stesen yang lain untuk mendengar penerangan rakan mereka sendiri mengenai topik yang telah diberikan. Murid juga boleh bertanyakan soalan dan berbincang dengan pembentang untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci. Oleh itu, pendekatan ini adalah berpusatkan murid yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran kolaboratif (Makmun, Yin, & Zakariya, 2020). Di samping itu, murid dapat meningkatkan pemahaman dan kemahiran berkomunikasi dengan menghasilkan poster pembentangan dan memberikan penerangan kepada rakan sekelas mereka (Makmun et al., 2020; Fannia et al., 2017; Franzblau & Haque, 2018). Bagaimanapun *gallery walk* dikatakan agak mencabar untuk dilakukan kerana batasan masa pengajaran, melibatkan pergerakan murid dan kesukaran menilai sumbangan individu di dalam kerja kumpulan (Makmun et al., 2020; Layan&Castillo, 2024).

Manakala, Wiliam dan Thompson's (2007, p.64) mencadangkan lima strategi di dalam pentaksiran untuk pembelajaran: (1) menjelaskan dan kongsi objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan, (2) mereka perbincangan bilik darjah, teknik penyoalan dan aktiviti pembelajaran yang boleh menzahirkan pembelajaran, (3) memberikan maklum balas, (4) mengaktifkan murid sebagai sumber pembelajaran dan (5) mengaktifkan murid sebagai pemilik pembelajaran. Pentaksiran untuk pembelajaran dapat meningkatkan pembelajaran murid dengan memberi maklumbalas yang konstruktif dan memandu langkah pembelajaran yang seterusnya (Cambridge Community, 2018). Strategi-strategi di dalam pentaksiran untuk pembelajaran boleh membentuk kemahiran metakognitif dan regulasi sendiri murid. Sebagai impak, motivasi, penglibatan dan pencapaian murid terutamanya murid yang lemah dapat meningkat (Cambridge Community, 2018).

Pembelajaran teradun kini menjadi perhatian para pendidik dan dianggap sebagai pedagogi kontemporari yang sejajar dengan murid generasi sekarang. Pembelajaran teradun didefinisikan sebagai kombinasi proses pendidikan atas talian dan bersemuka dengan pelbagai pendekatan pengajaran yang berkesan (Tonbuloglu&Tonbuloglu, 2023). Pendekatan ini mengupayakan murid dan guru menggunakan teknologi e-learning antara kelas dan melibatkan murid berkomunikasi secara bersemuka. Antara kelebihan pendekatan ini adalah peningkatan interaksi antara murid, guru dan isi kandungan, kos

pengajaran yang rendah dengan peningkatan hasil pembelajaran, hubungan sosial yang lebih kuat dan fokus dengan keperluan individu murid (ALrasheedy, Gaballa, Alshammari&Alrashdi, 2025). Selain itu, pembelajaran teradun juga dapat meningkatkan autonomi, kolaborasi dan motivasi yang dapat meningkatkan pencapaian dan kepuasan murid berbanding kaedah tradisional atau pembelajaran secara atas talian semata-mata (Tonbuloglu&Tonbuloglu, 2023).

3.0 METODOLOGI

Kajian ini dijalankan mengikut langkah-langkah di dalam model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) iaitu tinjauan awal, merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Kajian ini adalah kajian campuran yang menggunakan kaedah temubual dan statistik mudah.


3.1 Tinjauan awal

Pemerhatian dijalankan selama seminggu, 10 hingga 14 April 2023. Semua guru didapati menggunakan teknik syarahan di dalam bilik darjah berbantuan slaid PowerPoint. Murid pula kelihatan tidak fokus dengan pengajaran guru. Contohnya, mengantuk, menguap, malahan ada yang curi-curi melihat telefon bimbit. Murid yang kurang memberi perhatian ini kerap kali meminta guru mengulang soalan yang telah diberikan secara lisan dan memberikan jawapan yang salah. Apabila guru ditemubual, guru bersetuju dengan dapatan di atas. Pemerhatian iaitu guru selalu menggunakan teknik syarahan dan murid tidak fokus dengan pengajaran guru. Guru memberitahu kesukaran untuk melaksanakan kaedah berpusatkan murid kerana akan melambatkan sukatan pelajaran habis.

3.2 Merancang

Berikut adalah perancangan yang dilaksanakan oleh guru:

1. Guru mengadakan perbincangan mengenai aktiviti PdPc yang dapat membantu guru dan murid melibatkan diri secara aktif dan menghabiskan sukatan pelajaran dengan cepat.
2. Guru menyenarai pendek aktiviti yang sesuai adalah perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan, serta *gallery walk*. Guru seterusnya membuat perbincangan lebih mendalam mengenai kaedah *gallery walk* dan bersetuju melaksanakan *gallery walk* model Francek (2006):



Rajah 1: *Gallery Walk* Rotation Scheme Adapted from Francek (2006)
Sumber: Fadir (2017)

1. Kumpulan kecil diberikan tugasan
2. Berbincang dan tulis di kertas mahjong
3. Tampil poster di stesen masing-masing
4. Ketua membentang
5. Setiap kumpulan bergerak ke setiap stesen
6. Perkongsian dan sesi soal jawab
7. Perbincangan kelas
- 8.

Bagaimanapun, kajian lepas mendapati cabaran melaksanakan *gallery walk* adalah murid tidak memberikan perhatian, kurang bekerjasama dalam aktiviti berkumpulan, masih pasif (tidak berinteraksi) dan tidak berminat (Hakim, Anggraini & Saputra, 2019, SERC, 2005, Yeourng, 2022). Oleh itu, kaedah *gallery walk* sedia ada perlu ditambahbaik bagi mengatasi kekurangan ini.

3.3 Bertindak

1 Pelaksanaan Aktiviti *Gallery Walk*

Tarikh: 2 Mei 2023 dan 3 Mei 2023

Tempat: 6 Atas Sains

Masa: 8.40 pagi-10.10 pagi

Peristiwa

2 Mei 2023: Guru menerangkan langkah-langkah di dalam *gallery walk* kepada murid. Lapan dari sebelas orang murid memberitahu mereka pernah melakukan aktiviti *gallery walk* semasa di sekolah menengah. Murid menjalankan aktiviti *gallery walk* dengan merujuk buku dan perbincangan dengan rakan sebaya. Murid menyiapkan poster selama satu jam setengah. Oleh itu, pembentangan akan dijalankan pada kelas yang berikutnya.

3 Mei 2023: Murid bergerak secara berkumpulan ke stesen-stesen yang telah ditetapkan untuk mendengar pembentangan poster yang dihasilkan oleh rakan mereka. Murid melakukan sesi soal jawab dan perbincangan dengan pembentang. Guru membuat perbincangan keseluruhan setelah semua stesen dilawati murid.

Refleksi

2 Mei 2023: Murid sangat fokus dengan tugas yang diberikan. Murid bersungguh-sungguh di dalam perbincangan untuk menghasilkan poster yang terbaik. Ini mungkin kerana guru akan memberikan hadiah kepada kumpulan terbaik: poster dan penerangan yang menarik. Murid melakukan perbincangan dan merancang penghasilan poster yang sesuai dan menarik untuk pembentangan. Secara keseluruhan, pelaksanaan *gallery walk* mudah dilakukan kerana murid sudah berpengalaman, murid adalah pelajar dewasa dan saiz kelas yang kecil (11 orang pelajar).

3 Mei 2023: Murid hanya mendengar pembentangan poster oleh rakan mereka dan saya tidak pasti sama ada mereka memberi perhatian atau tidak. Dari pemerhatian saya, murid yang sama sahaja bertanyakan soalan. Persoalan kepada diri saya sendiri apabila selesai PdPc:

- a. Adakah mereka memberi perhatian kepada pembentangan?
- b. Adakah mereka faham penerangan rakan yang membentang?
- c. Murid perlu mendengar pembentangan lima stesen/poster selama satu jam setengah. Sejauh mana pelajar boleh memahami dan mengingat apabila banyak input yang diberikan dalam satu masa?
- d. Adakah mendengar sahaja itu pembelajaran yang aktif?

Secara keseluruhannya, pelajar menjadi aktif di dalam pembelajaran dengan kaedah *gallery walk* model Francek (2006) tetapi penyelidik masih merasakan perlu ada penambahbaikan untuk refleksi di atas. Oleh itu, pelaksanaan seterusnya adalah *gallery walk* yang dimodifikasi dengan mengambil kira teori pentaksiran untuk pembelajaran (assessment for learning).

Jadual 1

Penerangan ringkas Teori Pentaksiran untuk Pembelajaran (Wiliam dan Thompson, 2007)

Kaedah /Teori	Aktiviti	Fokus
Pentaksiran untuk Pembelajaran	1.Menjelaskan dan berkongsi objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan 2.Menjana perbincangan, penyoalan dan aktiviti PdPc yang berkesan 3.Memberi maklum balas 4.Pentaksiran rakan sebaya 5.Pentaksiran sendiri	Pembelajaran autonomi dan regulasi sendiri

2 Pelaksanaan Aktiviti *Gallery Walk* yang telah dimodifikasi

Tarikh: 9 Mei 2023

Tempat: 6 Atas Sains

Masa: 10 pagi-11.30 pagi

Peristiwa

Penyelidik telah menjemput semua guru Tingkatan 6 untuk hadir memerhati kaedah modifikasi 10 langkah *gallery walk*. Guru Sejarah dan Pengajian Am tingkatan 6 diwajibkan hadir kerana mereka akan melaksanakan intervensi ini di dalam kelas. Murid seronok dan bersemangat melakukan aktiviti *gallery walk*. Kumpulan murid perempuan menghasilkan poster yang lebih kreatif dengan menonjolkan kata kunci atau konsep yang mereka mahu. Murid mengedarkan kertas soalan yang mereka hasilkan sendiri dan membacakan soalan sebelum melakukan pembentangan. Manakala murid lelaki lebih memberi tumpuan kepada isi kandungan daripada kreativiti. Guru-guru yang hadir turut memberi markah kepada pembentangan dan poster yang dihasilkan.

Refleksi

Penyelidik telah melakukan perbincangan untuk intervensi ini dijalankan oleh guru Sejarah dan Pengajian Am matapelajaran ini mempunyai sukatan pelajaran yang luas dan sarat dengan fakta. Dalam kelas, penyelidik dapat lihat kali ini murid mendengar lebih aktif kerana mereka terlibat dalam proses pembentangan iaitu menjawab soalan yang diberikan secara bertulis. Murid juga kelihatan lebih serius dan fokus mungkin kerana telah dibacakan soalan sebelum pembentangan. Murid fokus untuk mendengar dan mencari konsep atau fakta yang berkaitan dengan soalan yang telah dibacakan.

3 Pelaksanaan Aktiviti *Gallery Walk* yang telah dimodifikasi untuk Mata Pelajaran Sejarah dan Pengajian Am

Tarikh: 19 dan 22 Mei 2023

Mata pelajaran: Sejarah dan Pengajian Am

Masa: 7.10-8.40 pagi

Tempat: 6ASS1 dan 6ASS2

Peristiwa

Pelaksanaan pertama kali modifikasi 10 langkah *gallery walk* untuk mata pelajaran Sejarah dan Pengajian Am.

Refleksi

Setelah habis aktiviti dijalankan, kami mendapati soalan yang dihasilkan oleh murid kurang menekankan konsep/istilah yang penting. Dalam PdPc seterusnya, setiap kumpulan wajib menghantar soalan kepada guru untuk disemak. Murid juga menyatakan agak sukar untuk mereka mengingat semua pembentangan dan jawapan yang diberikan di akhir PdPc. Oleh itu, kumpulan penyelidik berbincang dan mencadangkan untuk menambah dua langkah lagi di dalam *gallery walk* yang telah dimodifikasi.

Dua langkah ini adalah

- Murid muat naik gambar kertas mahjong dan jawapan di Padlet
- Murid mengulangkaji dan melakukan sesi soal jawab (jika perlu) di Padlet.


Dua langkah ini diambil dari teori pembelajaran teradun bersemuka di bilik darjah yang boleh meningkat interaksi pembelajaran murid di luar bilik darjah bersama rakan sebaya, isi kandungan pelajaran dan sumber luar. Murid juga boleh mengulangkaji mengikut masa dan keupayaan sendiri.

Jadual 2

Penerangan ringkas Teori Pembelajaran Teradun (O'Connel, 2016)

Kaedah Kaedah/Teori	Aktiviti	Fokus
Pembelajaran Teradun (teradun bersemuka di bilik darjah- <i>blended face-to-face class</i>)	1. PdPc di bilik darjah digunakan untuk aktiviti pembelajaran aras tinggi seperti perbincangan dan projek kumpulan 2. Aktiviti atas talian untuk tambahan kepada aktiviti di bilik darjah seperti bacaan, kuiz dan pentaksiran lain secara atas talian	Meningkatkan interaksi murid-guru, murid-murid, murid-isi kandungan pelajaran dan murid-sumber luar.

Apabila ketiga-tiga teori iaitu kaedah *gallery walk*, pentaksiran untuk pembelajaran dan pembelajaran teradun (teradun bersemuka di bilik darjah) digabungkan, maka terhasillah *JRW² Toolkit*:



Rajah 2 Gabungan tiga teori untuk menghasilkan *JRW² Toolkit*


Jadual 3*JRW² Toolkit*

No.	Langkah	Teori/Kaedah
1	Menjelaskan dan berkongsi objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan*	Pentaksiran untuk pembelajaran
2	Kumpulan kecil diberikan tugas	<i>Gallery Walk</i> Pentaksiran untuk pembelajaran: Menjana perbincangan, penyoalan dan aktiviti PdPc yang berkesan
3	Berbincang dan tulis di kertas mahjong	<i>Gallery Walk</i> Pentaksiran untuk pembelajaran: Menjana perbincangan, penyoalan dan aktiviti PdPc yang berkesan
4	Membuat soalan untuk semua pelajar* -pentaksiran sendiri kerana murid perlu menguasai isi kandungan untuk membuat soalan yang baik. -Apabila mereka membuat soalan, mereka secara langsung mentaksir pemahaman sendiri terlebih dahulu.	Pentaksiran untuk pembelajaran: Pentaksiran sendiri
5	Tampal poster di stesen masing-masing	<i>Gallery Walk</i> Pentaksiran untuk pembelajaran: Menjana perbincangan, penyoalan dan aktiviti PdPc yang berkesan
6	Ketua membacakan soalan yang perlu dijawab oleh murid semasa pembentangan*	Pentaksiran untuk pembelajaran: berkongsi kriteria kejayaan
7	Ketua membentang	<i>Gallery Walk</i> Pentaksiran untuk pembelajaran: Menjana perbincangan, penyoalan dan aktiviti PdPc yang berkesan
8	Setiap kumpulan bergerak ke setiap stesen	
9	Murid menjawab soalan yang disediakan dan melakukan sesi soal jawab*	
10	Perbincangan kelas: pentaksiran rakan sebaya* -kumpulan yang menyediakan soalan membincangkan jawapan dan memeriksa jawapan rakan mereka	<i>Gallery Walk</i> Pentaksiran untuk pembelajaran: Menjana perbincangan, penyoalan dan aktiviti PdPc yang berkesan
11	Murid muat naik gambar poster dan jawapan di Padlet*	Pembelajaran teradun bersemuka dalam bilik darjah
12	Murid mengulangkaji dan melakukan sesi soal jawab di Padlet*	

*Langkah di dalam kaedah *gallery walk* yang telah dimodifikasi

4.0 Analisis Data, Dapatan dan Perbincangan**4.1 Penilaian pencapaian murid**

Pendekatan *JRW² Toolkit* ini telah dilaksanakan secara berterusan di dalam kelas Pengajian Am berbanding kelas Sejarah untuk tahun 2023. Dengan justifikasi ini, kumpulan penyelidik bersetuju untuk membandingkan keputusan peperiksaan Pengajian Am semester 2 2022 dan 2023. Murid tahun 2022 tidak diajar menggunakan kaedah *JRW² Toolkit*.

**Rajah 2**

Perbandingan Gred Pengajian Am Semester 2 Tahun 2022 dan 2023

Dari rajah di atas, nilai purata gred mata pelajaran Pengajian Am semester 2 tahun 2022 dan 2023 adalah sama iaitu 1.9. Satu lagi persamaan adalah bilangan murid mendapat gred F iaitu 20. Bagaimanapun dari segi peratusan, bilangan murid mendapat gred F sebenarnya menurun sebanyak 6.3. Perubahan yang menonjol di dalam Rajah 2 adalah peningkatan bilangan murid mendapat gred A dan A- dan penurunan murid mendapat gred B+, B, B- dan C+. Ini bermakna, ada kemungkinan kaedah *JRW² Toolkit* berkesan untuk membantu murid dengan keputusan sederhana (B+, B, B- dan C+) mendapatkan keputusan cemerlang iaitu A dan A-.

4.2 Analisis Pemerhatian dan Borang Maklumbalas Murid

Sebanyak empat puluh masa PdPc matapelajaran Sejarah dan Pengajian Am digunakan untuk menjalankan kaedah *JRW² Toolkit*. Secara keseluruhan, objektif untuk menjadikan PdPc berpusatkan murid adalah berjaya kerana guru tidak menggunakan teknik syarahan semata-mata dan murid tidak hanya duduk dan mendengar sahaja.

Rumusan diambil daripada analisis pemerhatian yang dilakukan guru di dalam bilik darjah dan borang maklumbalas murid. Dapatan kajian mendapati penglibatan murid lebih optimum di dalam PdPc menggunakan kaedah *JRW² Toolkit* dengan:

1. Kriteria kejayaan

Di dalam aktiviti ini ada dua kriteria kejayaan. Satu kriteria kejayaan diterangkan oleh guru iaitu setiap kumpulan mesti menghasilkan poster, kertas soalan dan menyemak jawapan rakan anda. Aktiviti ini berjaya jika murid melaksanakan ketiga-tiga kriteria kejayaan ini. Kriteria kejayaan kedua adalah

kemampuan murid menjawab semua soalan yang diberikan. Soalan ini mesti dibaca pembentang sebelum memulakan pembentangan.

Guru perhatikan murid lebih memberi perhatian ketika pembentangan kerana mereka menunggu jawapan untuk soalan yang disediakan. Murid juga menyatakan perkara yang sama di dalam borang maklumbalas mereka. Ini membuktikan perkongsian kriteria kejayaan menjadikan murid lebih bersedia untuk belajar dan terarah.

2. Aktiviti perbincangan untuk menghasilkan poster yang ringkas (seperti peta minda) dan kreatif dengan pelbagai warna untuk menekankan konsep/istilah penting. Murid berbincang konsep/istilah yang mereka ingin tulis dan terangkan. Murid juga berdebat mengenai cara terbaik dan menarik untuk menghasilkan poster yang sesuai. Aktiviti ini dapat meningkatkan komunikasi dan pemikiran kritis murid kerana perlu memberikan justifikasi untuk mempertahankan pendapat mereka. Aktiviti ini juga mempertingkatkan kreativiti murid kerana perlu menghasilkan poster yang menarik.

3. Murid dilihat dapat membina item soalan yang lebih baik dengan panduan guru. Guru mendapati murid haruslah mempunyai penguasaan isi kandungan pelajaran yang baik untuk membina item soalan yang berkualiti. Oleh itu, aktiviti membina item ini dapat membantu meningkatkan pembelajaran murid.

4. Pembentangan

Guru dapat memerhatikan perubahan sikap murid. Apabila kaedah ini mula diperkenalkan, ramai murid tidak yakin untuk membentang, suara tidak jelas dan agak gementar. Murid menolak apabila dipilih untuk menjadi pembentang. Bagaimanapun, setelah beberapa kali aktiviti ini dijalankan, guru boleh memilih murid menjadi pembentang secara rawak. Murid dapat membentang dengan suara yang jelas dan yakin. Murid juga mengakui aktiviti ini dapat membina keyakinan diri mereka untuk membentang kerana proses menghasilkan produk pembentangan dilakukan bersama-sama.

5. Pentaksiran rakan sebaya

Murid juga mengatakan dengan perbincangan/semakan jawapan selepas aktiviti pembentangan berakhir memberi keyakinan bahawa rakan mereka mendengar dan memahami pembentangan mereka. Murid menerangkan bahawa menjawab soalan semasa atau selepas pembentangan memudahkan mereka mengenalpasti konsep atau fakta yang mereka tidak fahami. Mereka boleh langsung bertanya kepada pembentang. Ada juga murid mengakui adalah lebih mudah bertanya kepada rakan daripada guru.

6. Memuatnaik poster dan jawapan di Padlet.

Murid mengakui mereka mudah melakukan ulangkaji dengan poster yang ringkas dan mudah difahami. Bagi perbincangan jawapan soalan yang mereka kurang faham atau terlepas pandang, mereka boleh merujuk semula soalan dan jawapan yang dimuatnaik pada bila-bila masa. Malahan, murid menghargai peluang mengemukakan soalan untuk mendapatkan lebih pencerahan mengenai konsep/istilah yang tidak difahami setelah PdPc bersemuka berakhir.

Murid gembira kerana boleh menggunakan poster dan jawapan soalan yang dimuatnaik untuk tujuan ulangkaji sebelum peperiksaan. Salah seorang murid menulis, 'jimat masa membuat nota sebab ada nota ringkas sudah untuk semua topik!'.

5.0 KESIMPULAN

Pendekatan *JRW² Toolkit* boleh menyelesaikan masalah guru yang mengajar kelas peperiksaan yang mahu pembelajaran aktif dan dalam masa yang sama perlu menghabiskan sukatan pelajaran dengan cepat. Kajian lepas mendapati cabaran melaksanakan *gallery walk* adalah murid tidak memberikan perhatian, kurang bekerjasama dalam aktiviti berkumpul, masih pasif (tidak berinteraksi) dan tidak berminat. Hasil dapatan kajian ini, cabaran-cabaran ini mampu diatasi dengan menggabungkan teori pentaksiran untuk pembelajaran. Malahan murid boleh belajar mengikut kemampuan sendiri melalui pembelajaran teradun. Dapatan kajian juga menunjukkan peningkatan di dalam prestasi akademik murid. Ini mungkin kerana murid terlibat secara aktif di dalam PdPc dan mengikut konsep 'learning by doing'.

Selain daripada menerangkan mengenai kelebihan kaedah *JRW² Toolkit*, guru dan murid juga memberi maklumbalas mengenai kelemahan. Bagaimanapun, kelemahan ini adalah mengenai kekurangan fasiliti iaitu saiz kelas yang kecil dan bilangan pelajar yang ramai menyebabkan stesen berdekatan antara satu sama lain. Ini mengganggu fokus pelajar mendengar pembentangan yang dijalankan. Di samping itu, poster dan jawapan yang dimuatnaik di Padlet juga akan hilang selepas tiga bulan kerana versi yang digunakan adalah versi percubaan. *JRW² Toolkit* ini juga belum diuji dengan menggunakan pelajar sekolah rendah sebagai responden.

Walaupun pelaksanaan *JRW² Toolkit* ini berjalan dengan baik sepanjang semester 2, saiz kelas yang lebih besar diperlukan untuk keselesaan murid melakukan pembentangan. Guru juga boleh menggunakan kemudahan Google Jamboard yang disediakan percuma oleh Kementerian Pendidikan untuk muat naik kertas pembentangan dan jawapan.

RUJUKAN

ALrasheedy, B. B., Gaballa, A. S. M., Alshammari, K. A., & Alrashdi, H. M. (2025). The effect of blended learning on enhancing motivation for academic achievement in students in the faculties of humanity sciences at hail university. *Acta Psychologica*, 255, 104955.

Assessment, C. (2019). Getting started with Assessment for Learning. Na adresi <https://cambridge-community.org.uk/professionaldevelopment/gswaf/index.html>

Fadir, M (2017). Gallery walk. *Blog Cikgu Moq: Meneroka pembelajaran bermakna*.
<https://pa21mokhzanifadir.blogspot.com/2017/02/gallery-walk.html>

Fannia L., Rini & Arman E.Y. (2017). Application of gallery walk learning methods to enhance learners' learning

- on the subject of atomic structure and periodic system of new element X class Mia Sman2 Pekanbaru. *Journal of Faculty of Science and Education*, 4(1), 1-13.
- Francek, M. (2006). Promoting Discussion in the Science Classroom Using Gallery Walks. *Journal of College Science Teaching*, 36(1).
- Franzblau, L., & Haque, F. (2018). Using gallery walks to navigate hospital hierarchy. *Medical Education*, 52(11).
- Layar, J. O., & Castillo, A. A. (2024). Exploring the efficacy of gallery walk as a learning technique on the performance in mathematics of grade 9 students. *International Journal of Science and Management Studies*, 7(3), 120-128.
- Hakim, M. A. R., Anggraini, N., & Saputra, A. (2019). Gallery walk technique in improving students' speaking skill. *Journal of Linguistic and English Teaching (Script Journal)*, 4(1), 26-37.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner*, (3rd edition) Victoria (Australia), Deakin University Press.
- Makmun, M., Yin, K. Y., & Zakariya, Z. (2020). The gallery walk teaching and learning and its potential impact on students' interest and performance. *International Business Education Journal*, 13(1), 17-22.
- O'Connell, A. (2016). Seven blended learning models used today in higher ed. Retrieved from <http://acrobatiq.com/seven-blended-learning-models-used-today-in-higher-ed/>
- SERC (2005, April 29). Challenges in implementing gallery walk. Starting Point-Teaching Entry Level Geoscience. <https://serc.carleton.edu/introgeo/gallerywalk/challenges.html>
- Tonbuloğlu, B., & Tonbuloğlu, İ. (2023). Trends and patterns in blended learning research (1965–2022). *Education and Information Technologies*, 28(11), 13987-14018.
- Wiliam, D., & Thompson, M. (2007). Integrating assessment with learning: What will it take to make it work? *The Future of Assessment: Shaping Teaching and Learning*, 53–82. Retrieved from http://books.google.co.uk/books/about/The_future_of_assessment.html?id=bW0OAQAAMAAJ&pgis=1
- Yeourng, S. (2021). The Effectiveness of the Gallery Walk Technique in EFL Speaking Classes. *Online Learning during covid-19 and Key Issues in Education*, 73.